

Sediakan pengajaran menarik agar ilmu Islam tidak terhapus



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap pada Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam Dalam Dunia Islam (ICAIS 2017).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 September. - Institusi tinggi pengajian Islam dalam dunia perlu berusaha untuk menyediakan program dan pengajaran dinamik lagi menarik agar kecenderungan pelajar menimba ilmu Islam tidak luntur dan terhapus.

Cabaran perkembangan kemajuan ekonomi yang mendesak, kecanggihan teknologi tanpa sempadan dan kepelbagaian isu masyarakat global yang mengejar material telah menyebabkan ilmu pengajian Islam hampir dikesampingkan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada Persidangan Antarabangsa

Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam Dalam Dunia Islam (ICAIS 2017) yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, di sini.

Menurut Yang Berhormat Pendidikan Islam adalah bersifat holistik atau menyeluruh kerana meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani, rohani, intelek serta emosi secara bersepadu dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia demi mencapai kemajuan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan, dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kecenderungan untuk belajar bahasa Arab dan ilmu pengajian Islam dapat dilihat dari peningkatan jumlah pelajar yang

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Media Permata

menduduki calon sekolah Arab yang dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari 30.89 peratus menjadi 34.54 peratus pada tahun 2014 dan 2015.

Justeru itu, metodologi pengajaran terkini perlu dibangunkan dan diadaptasi seiring dengan ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat.

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di institusi tinggi jelas Yang Berhormat, penggunaan komputer multimedia dan internet yang meluas berpotensi memudahkan proses pengajaran serta pembelajaran dinamik juga

lebih berkesan.

"Pertautan dengan hypermedia memberi peluang kepada pelajar menjana maklumat yang diinginkan tanpa bantuan tenaga pengajar, di samping mampu mewujudkan situasi sebenar pembelajaran serta membolehkan komunikasi secara langsung dengan penutur aslimelalui kemudahan internet.

Justeru penyediaan prasarana yang lengkap dan mencukupi seperti kewujudan makmal bahasa dilihat sebagai perkara yang perlu ada di setiap institusi pengajian tinggi mahu pun pengajian dasar," tambah Yang Berhormat.

Universiti Islam penting majukan bahasa Arab, pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 September. - Universiti-universiti Islam termasuk Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) seharusnya memainkan peranan penting dalam memajukan pengajaran bahasa Arab dan pengajian Islam.

Bagi memastikan peranan ini benar-benar dilaksanakan, maka universiti-universiti Islam hendaklah mempunyai strategi yang benar-benar efektif, tenaga akademik berkemahiran tinggi, persekitaran pembelajaran yang dapat membantu menghasilkan metod terbaik, kecekapan tenaga pengajar dan keupayaan pelajar.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad semasa

menyampaikan ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam Dalam Dunia Islam (ICAIS 2017) pada majlis perasmian persidangan yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, di sini.

UNISSA dan KUPU SB buat julung-julung kalinya berpeluang untuk berkolaborasi dengan Liga Universiti-Universiti Islam (IUL) dalam menganjurkan seminar yang memfokuskan pada pengajaran bahasa Arab dan pengajian Islam di dunia Islam dengan tema 'Peranan Universiti dalam Memajukan Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan ucapan

perasmian ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Majlis turut diisikan dengan pembentangan kertas perdana yang bertajuk 'Peranan Universiti dalam Memajukan Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam' disampaikan oleh Penasihat Akademik UNISSA, Profesor Emiratus Dato' Dr. Sayyed Muhammad Aqiel bin Ali Al-Mahdaly Al-Husainy.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hisham bin Abdul Wahab bin Abdullah Zaraq; Duta



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam Dalam Dunia Islam (ICAIS 2017).

Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari; Setiausaha Agung Liga

Universiti-Universiti Islam, Profesor Dr. Gaafar salam Ali Elmzayden dan Mantan Timbalan Presiden Universiti Al-Azhar Mesir serta para jemputan khas.

ASEAN +3 berpotensi majukan persekitaran alam sekitar



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, selaku Pengerusi (sembilan, kiri) pada Mesyuarat Ke-15 Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN +3 (15th EMM+3) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Rabu, 13 September. - Melalui Mesyuarat Ke-15 Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN +3 (15th EMM+3) diharap akan dapat menghasilkan ke arah kerjasama yang lebih bermanfaat dan produktif, terutamanya dalam memajukan kerjasama persekitaran di antara ASEAN dan rakan +3 serta

mengalu-alukan kerjasama berpotensi yang lain dalam bidang alam sekitar pada masa akan datang.

Ini dinyatakan dalam ucapan pembukaan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, selaku Pengerusi pada 15th EMM+3 yang

berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menteri Pembangunan berkata, kemajuan yang dicapai dalam kerjasama ASEAN +3 di bawah sektor alam sekitar termasuk : Strategi ASEAN - CHINA Kerjasama Alam Sekitar (2016 - 2020); Kerjasama Lingkungan ASEAN - Jepun; pelaksanaan Kerjasama Lingkungan ASEAN - ROK dan Rangka Kerja Baharu untuk Dana Kerjasama ASEAN - ROK 2017 - 2020.

Jelasnya kerjasama ini membolehkan pembinaan kapasiti dan pelaksanaan projek utama yang merangkumi spektrum pemuliharaan serta perlindungan alam sekitar, contohnya : air dan sisa air, pengurusan sisa, bandar yang mampan, kepelbagaian biologi juga pendidikan alam sekitar.

Selain itu menurutnya lagi, bidang kerjasama ini juga memberi manfaat kepada pembuat dasar, pengamal alam sekitar dan belia

melalui peningkatan pengetahuan serta kepakaran, amalan teknikal juga terbaik.

Negara Brunei Darussalam kali ini menjadi tuan rumah bagi 15th EMM+3 dan dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Ketua Delegasi bagi Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat dihadiri oleh Menteri-Menteri Alam Sekitar yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan Pegawai-pegawai Kanan dari Negara Anggota ASEAN (AMS) +3, iaitu Jepun, China dan Republik Korea bagi mengkaji kerjasama serantau mengenai beberapa isu alam sekitar dan membincangkan inisiatif baharu untuk mempromosikan kerjasama serantau mengenai alam sekitar.

EMM +3 yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk menggalakkan kerjasama alam sekitar di antara negara-negara ASEAN dan negara anggota +3.